



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)

Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706401  
Faks (Fax): 603-88706842  
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

---

Ruj. Kami : JPT(UKP)1000/02/01 jld.3(9)  
Tarikh : 17 Mac 2020


YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' Seri/ Dato'/ Prof./ Ir./ Dr.,

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISU-ISU BERHUBUNG PENULARAN WABAK COVID-19 BAGI UNIVERSITI AWAM (UA) DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menyediakan garis panduan untuk menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh UA dan IPTS dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 berdasarkan kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.
  
3. Semua UA dan IPTS diminta untuk mengambil tindakan seperti dalam garis panduan yang dilampirkan. Garis panduan ini berkuat kuasa dengan serta merta.

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' PROF. IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR)**  
b.p Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k:

1. YB Menteri  
Kementerian Pengajian Tinggi
2. YB Timbalan Menteri  
Kementerian Pengajian Tinggi
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISU-ISU BERHUBUNG  
PENULARAN WABAK COVID-19 BAGI UNIVERSITI AWAM (UA) DAN  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)  
MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh UA dan IPTS dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 berdasarkan kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak pandemic COVID-19.

**2.0 PENUTUPAN OPERASI DI UA DAN IPTS**

- 2.1 Semua operasi di UA dan IPTS adalah ditutup sepenuhnya kecuali perkhidmatan penting (*essential services*) seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, keselamatan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

**3.0 PELAKSANAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP) DAN PENYELIDIKAN**

- 3.1 Semua aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (PdP) termasuk dalam talian (*online*), peperiksaan, viva, aktiviti pembangunan pelajar dan penyelidikan adalah dihentikan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

#### **4.0 PENGURUSAN PELAJAR**

Selaras dengan FAQ Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dikemas kini pada 17 Mac 2020 jam 4.10 petang:

- 4.1 Semua pelajar UA dan IPTS diberi pilihan untuk balik ke kediaman masing-masing atau terus menginap di asrama.
- 4.2 Pelajar mempunyai pilihan untuk pulang ke tempat / negara asal atau terus berada di dalam kampus masing-masing. Semua pelajar bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah penjagaan dan pencegahan penularan penyakit yang sewajarnya. Pelajar juga adalah tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa sepanjang masa berada di dalam negara atau kampus UA dan IPTS masing - masing.
- 4.3 Bagi pelajar **yang memilih untuk menginap di fasiliti UA dan IPTS**, mereka hendaklah melapor kepada pihak pengurusan UA dan IPTS dan tertakluk kepada perintah yang berkuatkuasa. **UA dan IPTS perlu bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang keberadaan mereka di kampus.**

#### **5.0 PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN MAKANAN**

- 5.1 Perkhidmatan penyediaan makanan di IPT boleh beroperasi dengan hanya melalui pelaksanaan penghantaran makanan atau pembelian makanan secara bungkus sahaja. Makan di dalam premis kafeteria adalah tidak dibenarkan.

#### **6.0 KESEJAHTERAAN WARGA KERJA UA DAN IPTS**

- 6.1 UA dan IPTS perlu mengambil serius Arahan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan garis panduan yang berkuatkuasa bagi menangani penularan COVID-19.

UA dan IPTS adalah disarankan agar sentiasa peka dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa. Untuk maklumat terkini, sila layari saluran telegram MKN Rasmi <https://t.me/MKNRasmi> bagi informasi mengenai keselamatan negara dalam usaha menyampaikan maklumat sahih dan tepat kepada masyarakat.

**Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
17 Mac 2020**